


# ETNIK SUNGAI BULUDUPI

## KEPERCAYAAN, ADAT RESAM DAN AMALAN




Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah



# Sinopsis

Catatan sejarah mengenai etnik Orang Sungai adalah seawal tahun 1881, apabila Residen pertama Sandakan iaitu **Sir William Pryer** menjalankan ekspedisi menyusur Sungai **Kinabatangan** sehingga ke Kampung **Imbok**. Sewaktu ekspedisi tersebut, rombongan beliau telah terserempak dengan sekumpulan masyarakat yang sudah bertamadun dan dicirikan dengan imej berambut panjang serta mempunyai kulit kemerah-merahan. Disebabkan masalah komunikasi ketika itu, beliau telah menamakan kumpulan masyarakat ini dengan panggilan the **river people**. Catatan diari yang dibuat oleh pihak British pada tahun 1880 yang tersimpan di Jabatan Arkib Negeri Sabah dan catatan beberapa buah buku sejarah telah membuktikan bahawa etnik Orang Sungai Buludupi telah lama menghuni kawasan Sungai **Kinabatangan** dan Sungai Segaliud. Kenyataan ini dapat dibuktikan berdasarkan kenyataan yang dibuat oleh Prof. Dr. **Danny Wong**, pensyarah Universiti Malaya, menyatakan bahawa Orang Sungai Buludupi adalah pemilik Gua Gomantong yang diketuai oleh almarhum **Aki Digadong Samah Al-haj Bin Ebey** yang diwarisi daripada datuknya bernama **Aki Sandukung Bin Basag Bin Ambin** sejak 1782 lagi. Orang Sungai menganut agama yang berbeza-beza iaitu Islam, Kristian dan sedikit kepercayaan **animisme**. Mereka yang menganut agama Islam pada asasnya adalah terdiri daripada mereka yang berkahwin campur dengan peniaga Suluk.



*Lakaran Wajah Pahlawan Sabah Almarhum Aki  
Digadong Samah Al-haj Bin Ebey (Keith.A.N, 1951)*



*Sebahagian daripada barisan penyelidik dan penyumbang dari  
Persatuan Bangsa Sungai Sabah (SABAS)*



# Pengenalan

Orang Sungai **Buludupi** mengamalkan adat resam, pantang larang dan adat istiadat yang dipusakai daripada nenek moyang mereka. Adat-adat resam ini banyak menerima pelbagai pengaruh seperti agama **Islam**, **Kristian**, **animisme** dan pengaruh pelbagai amalan dalam kehidupan seharian serta peristiwa-peristiwa penting di dalam komuniti mereka. Antara lain pantang larang dan adat istiadat ini ialah seperti pantang larang dan adat istiadat semasa membuka ladang, mencari rezeki, majlis perkahwinan, menyambut kelahiran dan kematian. Bab ini menerangkan beberapa adat istiadat seperti amalan **tiparot**, **Begedda**, petua memancing di sungai, perkahwinan, kelahiran, kematian dan beberapa petua yang masih diamalkan oleh Orang Sungai **Buludupi**.

# Amalan Tiparot

Amalan tiparot merupakan salah satu kepercayaan yang diamalkan oleh Orang Sungai **Buludupi**. Tujuannya amalan ini ialah untuk mendapatkan syafaat agar sentiasa dalam lindungan Allah SWT. Tiparot disediakan jika ada di antara ahli keluarga yang akan pergi merantau untuk mencari rezeki atau menyambung pelajaran, mendapat mimpi samada yang baik atau sebaliknya ataupun untuk membayar niat.

Tiparot disediakan dengan mengisikan beras ke dalam mangkuk. Mangkuk yang digunakan sebaik-baiknya berwarna putih dan bersaiz sederhana. Mangkuk tersebut akan diisi penuh dengan beras dan disertakan wang sedekah yang diletakkan di atasnya. Selepas itu, setelah semua ahli keluarga terutama ahli keluarga yang berniat tersebut telah menyentuh dengan niat untuk kesejahteraan, tiparot tersebut akan dihantar kepada seorang imam untuk dibacakan doa keselamatan. Doa tersebut bergantung kepada niat dan tujuan tiparot disediakan.

Terdapat beberapa jenis tiparot yang dibuat dan bergantung kepada niat ianya disediakan, seperti Tiparot Nupi', Tiparot Najal, Tiparot Tolak Bala', Tiparot Doa Selamat, tiparot umum dan sebagainya.

*Penyediaan bahan-bahan dalam amalan tiparot*





# *Upacara dan Amalan 'Begedda'*

**Begedda'** (mendarah) merupakan suatu upacara yang dilakukan apabila membuka kawasan baru terutama kawasan hutan untuk tujuan pembangunan. Biasanya acara **begedda'** dilakukan apabila penduduk kampung hendak membuka suatu tempat yang baru bagi tujuan bercucuk tanam atau pun mendirikan rumah.

Sebelum pokok-pokok hutan ditebang dan dibersihkan, seorang bomoh akan menenung sama ada tempat tersebut mempunyai penghuni halus ataupun sebaliknya. Jika didapati bahawa kawasan tersebut dihuni oleh makhluk halus, maka upacara begedda' akan dijalankan.

Upacara ini akan dimulakan dengan memilih seekor ayam atau kambing yang sihat untuk disembelih di tempat berkenaan. Selepas disembelih, darah binatang tersebut akan disiram di kawasan berkenaan sambil dibacakan mantera demi meminta izin kepada para penghuni untuk membenarkan kawasan berkenaan dibersihkan dan dibangunkan.

# *Petua Pergi Memancing di Sungai*

Memancing merupakan aktiviti penting dalam kehidupan Orang Sungai termasuk Orang Sungai Buludupi. Memancing merupakan kerjaya utama bagi sesetengah daripada mereka. Walau bagaimanapun, Sungai Kinabatangan merupakan sungai yang terkenal dengan legenda buaya yang sentiasa mengganas membaham mangsanya. Oleh yang demikian, sebelum pergi memancing biasanya mereka akan mematuhi beberapa amalan dan peraturan demi mengelakkan tragedi buruk daripada berlaku.

Semasa bertolak untuk pergi memancing, si pemancing biasanya akan membawa sebetuk kendadu (mangga kunci) dan apabila tiba di tepi air, si pemancing akan mengunci kendadu tersebut dan berniat seolah-olah mengunci mulut buaya agar tidak dapat melakukan pemangsaan. Dipercayai dengan mengamalkan petua ini, para pemancing akan terselamat daripada dibaham buaya ganas. Selepas selesai memancing dan balik ke rumah, si pemancing dikehendaki membuka semula kunci kendadu tadi agar sang buaya dapat melakukan aktivitinya seperti biasa serta tidak marah atas perbuatan mengunci mulutnya sebelum itu.



# Majlis Perkahwinan

Etnik Orang Sungai **Buludupi** turut mengamalkan adat bersanding dan **tepung tawar** semasa majlis perkahwinan. Pemilihan jodoh bermula dengan istiadat merisik calon isteri. Selepas istiadat merisik dibuat, istiadat meminang pula dilakukan. Dalam istiadat ini, rombongan pihak lelaki akan bertandang ke rumah keluarga gadis pilihan untuk meminang secara rasmi. Selepas itu, istiadat menghantar damak atau pemberian dilakukan. Pada hari tersebut tarikh perkahwinan dan belanja hantaran untuk majlis perkahwinan akan ditentukan. Istiadat perkahwinan dalam kalangan Orang Sungai dilakukan mengikut amalan agama masing-masing. Adat istiadat perkahwinan akan dibincangkan lebih lanjut dalam Bab 9.



# Majlis Bergunting Sempena Kelahiran Baru

Majlis bergunting dan bertimbang dilakukan selepas tujuh hari seorang bayi dilahirkan. Bayi tersebut akan dikenakan dengan pakaian yang elok dan sedikit daripada rambutnya akan digunting oleh beberapa orang kenamaan atau ahli tertua dalam keluarga bayi. Lagu-lagu marhaban dinyanyikan untuk mengiringi upacara ini yang biasanya dialunkan oleh kaum lelaki.

Semasa upacara bergunting, bayi terlibat akan diiringi oleh seorang yang membawa sebuah dulang berisi kelapa muda, bunga rampai, sebatang lilin dan penemmil (penyejuk) yang terdiri daripada pokok kebangun dan serai. Api lilin perlu sentiasa dinyalakan sepanjang acara bergunting tersebut berlangsung. Nyalaan api lilin melambangkan tempoh dan jangka hayat kehidupan bayi tersebut. Jika api lilin tersebut terpadam maka ia perlu dinyalakan semula dengan segera.



*Penyediaan bahan-bahan  
dalam amalan tiparot*

# Majlis Bertimbang

Majlis bertimbang dilakukan ke atas bayi yang baru lahir ataupun terhadap seseorang sebagai membayar niat atau nazar. Bayi atau orang yang terlibat dalam upacara ini akan dimasukkan ke dalam ayunan atau penimbang tradisional yang diperbuat daripada kayu keras seperti kayu belian yang digantung di dalam rumah dengan menggunakan tali yang kuat.

Peralatan yang digunakan semasa melaksanakan upacara bertimbang ini adalah terdiri daripada satu set pengimbang yang terdiri daripada beras, kelapa tua, kayu api dan kuih penyaram yang letakkan di dalam kain penimbang. Bahan-bahan ini adalah bahan pengimbang berat bayi atau orang yang terlibat. Setelah berat bayi dengan bahan-bahan tadi didapati sudah seimbang maka ayunan tadi akan dipusingkan mengikut putaran jam.

Setiap satu timbangan akan dikira berdasarkan satu pusingan. Semua bahan-bahan pengimbang itu akan ditukar silih berganti dengan set bahan baru yang lain untuk setiap pusingan. Satu pusingan akan dikira sebagai satu timbangan. Manakala bilangan timbangan pula bergantung kepada niat dan kemampuan tuan rumah. Semua bahan-bahan pengimbang tadi akan didermakan kepada para fakir miskin dan ibu tunggal sebagai sedekah.

*Penyediaan bahan-bahan  
dalam amalan tiparot*






## *Petua Untuk Elakkan Penyakit Burut Anak Lelaki*

Petua bagi mengelakkan penyakit burut dalam kalangan bayi lelaki ialah dengan menyudukan alat sulit bayi menggunakan sendok kecil kemudian dibacakan niat kebaikan.



## *Petua Untuk Elakkan Kesakitan Semasa Berkhatan*

Anak lelaki yang belum berkhatan tidak digalakkan malahan dilarang memakan betuko (hempedal dan organ dalaman binatang) untuk mengelakkan dari kesakitan dan keanjalan semasa berkhatan.





# *Petua Untuk Elakkan Keteguran*

a. Untuk mengelakkan bayi sakit akibat daripada amabat (keteguran), bayi tidak digalakkan untuk keluar rumah dalam tempoh 44 hari selepas dilahirkan terutama menjelang waktu maghrib. Pemabang yang diperbuat daripada kulit kayu pengesub dan belerang dan dibungkus dengan kain hitam, digunakan untuk mengelakkan bayi daripada keteguran. Pemabang ini dibakar untuk menghalau makhluk halus terutama pada waktu menjelang maghrib atau sewaktu hujan panas.

b. Jika mengunjungi tempat baru dan asing, selalunya ibubapa akan menyapukan sedikit tanah ke dahi anak kecil mereka untuk mengelakkan anak daripada sambot-sambot (keteguran apabila berselisih dengan makhluk halus) sambil membaca mentera yang berbunyi "Tuwi ikau ni nak, sumbai amabat buta ano sa' ikau amabat," yang bererti "di sini engkau dilahirkan, kecuali tanah ini keteguran barulah engkau keteguran."